

R B181 BAH
MAHATHIR - KLSE

I

KUALA LUMPUR, 2 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA SYARIKAT PERNIAGAAN MILIK PERSENDIRIAN ATAU MILIK KELUARGA SUPAYA MENGAMBIL LANGKAH UNTUK DISENARAIKAN DALAM BURSA SAHAM KUALA LUMPUR (KLSE) BERIKUTAN PELANCARAN PAPAN KEDUA KLSE.

PERDANA MENTERI BERKATA BANYAK SYARIKAT YANG SUDAH CUKUP KUKUH KEDUDUKANNYA DAN LAYAK DISENARAIKAN TETAPI TIDAK BERMINAT BERBUAT DEMIKIAN, KERANA PEMILIK SYARIKAT KEKELUARGAAN ITU BIMBANG AKAN KEHILANGAN KUASA UNTUK MENGAWALANYA.

+SAYA KESAL KERANA BANYAK SYARIKAT PERNIAGAAN MILIK PERSENDIRIAN DAN MILIK KELUARGA YANG SUDAH MAJU, TETAPI MASIH TIDAK TAMPIL KE HADAPAN UNTUK DISENARAIKAN DALAM KLSE,+ KATA BELIAU KETIKA MERASMIKAN KONVENYEN DAN EKSPLO MENGENAI PELUANG PERTUMBUHAN MODAL DI MALAYSIA, DI SINI..

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SEHINGGA KINI CUMA 10 BUAH SYARIKAT YANG DISENARAIKAN PADA PAPAN KEDUA KLSE WALAUPUN IA DILANCARKAN SEJAK TAHUN LEPAS UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA SYARIKAT KECIL YANG BERDAYA MAJU DAN BERPOTENSI.

KATANYA, JIKA SESEBUAH SYARIKAT HENDAK TERUS HIDUP SELEPAS KETIADAAN PENGASASNYA, MAKA IA HENDAKLAH DIJADIKAN SYARIKAT AWAM BERHAD DENGAN PENGURUSAN YANG PROFESIONAL. INI HENDAKLAH DILAKUKAN SEBELUM KEMATIAN PENGASASNYA ITU. -- LAGI.

1244MST 02 10 90

DB25 .

R B182 BAH
MAHATHIR - KLSE 2 KUALA LUMPUR

SEBAGAI SEBUAH SYARIKAT AWAM, SYARIKAT BERKENAAN BUKAN SAHAJA AKAN TERUS HIDUP MALAH AKAN BERKEMBANG PULA, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA DI EROPAH, AMERIKA DAN JEPUN, SESEBUAH SYARIKAT YANG DIASASKAN SECARA PERSENDIRIAN TELAH BERTUKAR MENJADI PERPADANAN REKSASA KERANA PERUBAHANNYA DARIPADA SYARIKAT MILIK PERSENDIRIAN KEPADA SYARIKAT AWAM BERHAD.

+DI MALAYSIA SEHINGGA KINI HANYA SYARIKAT YANG DIASASKAN OLEH BRITISH YANG TELAH BÉRJAYA MENEMPUHI UJIAN MASA. SYARIKAT KEKELUARGAAN CINA YANG MENCAPAI KEJAYAAN SEMASA HAYAT PENGASASNYA, SEMUANYA SUDAH TIADA LAGI,+ KATANYA.

BELIAU BIMBANG KEADAAN YANG SERUPA AKAN JUGA BERLAKU TERHADAP SYARIKAT MILIK KELUARGA YANG ADA SEKARANG, MELAINKAN MEREKA BERTUKAR MENJADI SYARIKAT AWAM BERHAD.

KETIKA MERUJUK KEPADA PERDAGANGAN DALAMAN, BELIAU BERKATA SYARIKAT YANG TERSENARAI DALAM KLSE BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENDEDAHKAN DENGAN SEGERA APA-APA MAKLUMAT TENTANG KEGIATAN YANG MEMPENGARUHI PRESTASI SYARIKAT. -- LAGI.

1246MST 02 10 90

R B184 BAH
MAHATHIR - KLSE 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA TINDAKAN SEGERA UNTUK MENDEDAHKAN MAKLUMAT YANG PENTING OLEH SYARIKAT, BOLEH MEMBANTU MENGURANGKAN KEMUNGKINAN BERLAKUNYA DAGANGAN DALAMAN DI SAMPING MEMBANTU MEWUJUDKAN PASARAN YANG KUKUH DAN BOLEH DIPERCAYAI YANG AKAN MENDAPAT KEYAKINAN PELABUR DALAM DAN LUAR NEGERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SATU CARA YANG BOLEH MENGURANGKAN DAGANGAN DALAMAN IALAH BAGI SYARIKAT, PEGAWAINYA DAN ORANG-ORANG BERKENAAN YANG TERLIBAT DALAM APA-APA URUSAN PENTING KORPORAT, BERTINDAK SECARA BERTANGGUNGJAWAB.

+PIHAK-PIHAK BERKUASA PULA, TIDAK AKAN TERAGAK-AGAK UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN TEGAS TERHADAP SESIAPA YANG DIDAPATI TERBABIT DALAM AMALAN PERDAGANGAN YANG TIDAK ADIL.

+PADA MASA YANG SAMA, PENGARAH DAN PENGURUSAN SYARIKAT YANG TERSENARAI HENDAKLAH BERSIKAP LEBIH BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP ORANG RAMAI YANG MELABUR DAN PEMAGANG SAHAM MINORITI, DALAM MENJALANKAN TUGAS MEREKA.+

BELIAU MENINGATKAN BAHAWA SIFAT TAMAK SELALUNYA MEMBAWA AKIBAT YANG MENYEKSAKAN. -- LAGI.

1258MST 02 10 90

R B193 BAH
MAHATHIR - KLSE 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENINGATKAN BAHAWA WALAUPUN SPEKULASI DALAM PASARAN SAHAM MERUPAKAN SATU PERKARA BIASA DAN DIPERLUKAN UNTUK MENARIK MINAT PELABUR, SPEKULASI YANG KETERLALUN ADALAH TIDAK SIHAT.

KATANYA, PASARAN DI MALAYSIA DIPENGARUHI SECARA TIDAK SEWAJARNYA OLEH KHABAR-KHABAR ANGIN YANG MENDEDAHKAN PASARAN ITU KEPADA MANIPULASI OLEH PENYEBAR KHABAR ANGIN YANG HENDAK MENDAPAT KEUNTUNGAN DENGAN CEPAT.

+INI SATU PERKARA MALANG KERANA SELALUNYA YANG MENJADI MANGSA IALAH MEREKA YANG BERMAIN SAHAM SECARA KECIL-KECILAN ATAU PELABUR YANG SERIUS,+ KATA BELIAU.

HARGA SAHAM SEPATUTNYA BERHUBUNG KAIT SEKURANG-KURANGNYA DENGAN PRESTASI SYARIKAT KALAU PUN TIDAK DENGAN DIVIDEN ATAU KEMAMPUAN SEBENAR SYARIKAT ITU UNTUK MENCAPAI KEUNTUNGAN.

BELIAU BERHARAP DENGAN BERTAMBAH MATANGNYA PASARAN SAHAM, ARAH ALIRAN ITU AKAN BERKURANGAN DENGAN PESATNYA.

+PARA PELABUR SEBALIKNYA HENDAKLAH MEMBUAT KEPUTUSAN BERASASKAN TERUTAMANYA KEPADA PRINSIP-PRINSIP ASAS DAN SETAKAT YANG WAJAR, MELINDUNGI PASARAN MALAYSIA DARIPADA PRESTASI PASARAN UTAMA DUNIA YANG LEBIH BANYAK DIPENGARUHI OLEH KEJADIAN TERTENTU.+ -- LAGI.
1322MST 02 10 90

D847

R B196 BAH
MAHATHIR - KLSE 5 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI JUGA MENYERU SUPAYA USAHA YANG LEBIH BERSUNGGUH-SUNGGUH DILAKUKAN UNTUK MENDIDIK ANGGOTA MASYARAKAT YANG MELABUR TENTANG ASAS-ASAS PASARAN SAHAM. PELABUR YANG LEBIH BERPENGETAHUAN PASTI AKAN DAPAT MEMBERI SUMBANGAN BESAR KE ARAH MEWUJUDKAN PASARAN SAHAM YANG SIHAT DAN MAJU.

BELIAU MENYIFATKAN KONVENSYEN DAN EKSPLO ANJURAN KLSE DAN BUSINESS TIMES ITU SEBAGAI USAHA YANG BAIK UNTUK MEWUJUDKAN KESEDARAN YANG LEBIH MELUAS TENTANG PELUANG BESAR YANG TERDAPAT DALAM PASARAN MODAL DI MALAYSIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PASARAN MODAL DI MALAYSIA MASIH MUDA BERBANDING DENGAN DI NEGARA MAJU TETAPI IA AKAN DIMAJUKAN DENGAN SEWAJARNYA SUPAYA MENJADI PASARAN YANG SETANDING DENGAN PASARAN YANG KINI LEBIH TERKEMUKA.

KATANYA PELBAGAI USAHA BAGI MEMPERKUKUHKAN PASARAN MODAL TELAH DIPERKUATKAN LAGI OLEH KEPUTUSAN UNTUK MEMAJUKAN KLSE SEBAGAI BURSA SAHAM YANG BEBAS, DENGAN MENGHENDAKI SYARIKAT YANG DIDAFTARKAN DI MALAYSIA, MENARIK DIRI DARIPADA SENARAI BURSA SAHAM SINGAPURA.

BELIAU MENGAKUI BAHAWA PERKEMBANGAN ITU TIMBUL DENGAN BEGITU CEPAT SEKALI, TETAPI IA TELAH MEMBANTU MENJADIKAN PASARAN NEGARA INI LEBIH MATANG DAN LEBIH MAMPU MEMAINKAN PERANANNYA DALAM KEMAJUAN EKONOMI MALAYSIA. -- LAGI.

1330MST 02 10 90

D848

R B197 BAH
MAHATHIR - KLSE 6 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA KLSE AKAN MEMPERKENALKAN SISTEM PENGHANTARAN PUSAT ATAU DAGANGAN +TANPA SKRIP+ TAHUN DEPAN YANG AKAN MENGURANGKAN MASALAH YANG BANYAK BERLAKU BERKAITAN DENGAN SIJIL SAHAM, DI SAMPING MENGHAPUSKAN KERJA PENGHANTARAN SIJIL SECARA FIZIKAL.

KIRA-KIRA 60 PESERTA PAMERAN MEWAKILI 90 SYARIKAT MENGAMBIL BAHAGIAN PADA KONVENSYEN DAN EKSPLO ITU YANG DIADAKAN HINGGA 6 OKT DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA. -- BERNAMA.

1331MST 02 10 90